


8H7M GUIZHOU + CHONGQING

SOKA
MUSLIM FRIENDLY TRAVEL

**TOUR CODE:
CGC07-AQ**



JAMBATAN GRAND CANYON HUAJIANG INI TERLETAK DI GUIZHOU, CHINA, DAN MERUPAKAN JAMBATAN TERTINGGI DI DUNIA, DENGAN DEK JAMBATAN BERADA SETINGGI 625 METER (2,051 KAKI) DI ATAS SUNGAI BEIPAN YANG DILALUINYA.

8H7M

GUIZHOU + CHONGQING

SOKA
MUSLIM FRIENDLY TRAVEL

**TOUR CODE:
CGC07-AQ**

HARI 01 KUALA LUMPUR - GUIYANG

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan ke Guiyang. Bermalam di **Guiyang**.

HARI 02 GUIYANG - MEITAN

SP/MT/MM

Lawatan di **Meitan**:

- Melawat **China Tea Sea** merupakan ladang teh yang luas ini terkenal dengan pemandangan hijau sejauh mata memandang. Pelancong boleh berjalan-jalan di ladang teh, menikmati udara segar, mengambil gambar landskap indah, serta mempelajari proses penanaman dan penghasilan teh China.

Bermalam di **Meitan**.

HARI 03 MEITAN - CHONGQING

SP/MT/MM

Lawatan di **Chongqing**:

- Bersiar-siar di **18th Staircase** yang terkenal dengan tangga-tangga berbatu lama dan jalan-jalan sempit yang mencerminkan gaya hidup tradisional Chongqing. Kawasan ini menawarkan pemandangan bandar dan sungai yang menakjubkan. Pelancong dapat menikmati pemandangan lorong sempit, mencuba makanan jalanan tempatan dan membeli cenderamata unik.
- Berjalan-jalan di **Jiao Chang Kou** yang menawarkan pelbagai hidangan halal seperti kebab, mi dan makanan ringan tempatan. Pelancong dapat mencuba makanan halal yang lazat sambil menikmati suasana jalanan yang meriah.
- Berjalan-jalan di **Jie Fang Bei** yang meriah dengan kawasan penuh dengan kedai-kedai, restoran dan hiburan. Monumen pembebasan di tengah-tengah kawasan ini memperingatkan kemenangan China dalam Perang Dunia II. Pada waktu malam, lampu neon yang berwarna-warni menerangi kawasan ini, menjadikannya tempat yang menarik untuk dikunjungi.
- Melawat **Kui Xing Building** yang merupakan seni bina tradisional China dengan skruktur kayu yang rumit dan bumbung bertingkat yang dihiasi dengan ukiran indah. Destinasi ini unik kerana walaupun ia kelihatan seperti berada di tingkat satu, sebenarnya ia terletak di tingkat 22. Pelancong boleh menikmati keindahan seni bina klasik serta suasana yang berbeza dengan kesibukan bandar Chongqing.
- Qiansimen Bridge** merupakan jambatan moden yang menghubungkan kawasan Yuzhong dan Jiangbei. Terkenal dengan seni bina yang unik dan pemandangan menakjubkan. Dengan pencahayaan LED yang terang, Qiansimen Bridge menciptakan suasana yang menakjubkan pada waktu malam, menjadikannya spot fotografi yang digemari ramai.
- Menikmati pemandangan malam di **Hongyadong**. Kawasan ini berubah menjadi pemandangan yang memukau dengan lampu-lampu berwarna-warni yang menerangi bangunan-bangunan kayu tradisional dan struktur moden.

Bermalam di **Chongqing**.

HARI 04 CHONGQING

SP/MT/MM

Lawatan di **Chongqing**:

- Melawat **Ciqikou Ancient Town** yang terkenal dengan jalan-jalan batu yang sempit, bangunan tradisional dan suasana yang penuh dengan budaya. Selain itu, suasana yang meriah dan pemandangan sungai indah menjadikan Ciqikou satu tempat yang ideal untuk meluangkan masa bersama keluarga atau rakan-rakan.
- Chongqing Mosque** yang mempunyai seni bina yang menarik dengan reka bentuk yang unik. Pelancong boleh melihat menara masjid yang

tinggi dan pintu masuk yang dihiasi dengan kaligrafi Arab.

- Liziba Monorail** terletak di Chongqing, adalah tempat di mana kereta api ringan melalui bangunan, menawarkan pemandangan yang unik dan menakjubkan.
- Bersiar-siar di **Danzishi Ancient Street** yang dapat menjelajahi bangunan bersejarah, kedai-kedai tradisional dan kafe yang menawarkan hidangan tempatan.

Bermalam di **Chongqing**.

HARI 05 CHONGQING - WUJIANG VILLAGE

SP/MT/MM

Lawatan di **Wujiang Village**:

- Melawat **Wujiang Village** yang boleh menjelajah perkampungan tradisional yang menampilkan seni bina klasik dan kehidupan tempatan. Di samping itu, mereka boleh menyaksikan pertunjukan dron dan pancutan air berirama muzik, serta persembahan warisan budaya yang mempamerkan tarian, muzik, dan tradisi unik masyarakat setempat, menjadikan pengalaman lebih menghiburkan.

Bermalam di **Wujiang Village**.

HARI 06 WUJIANG VILLAGE - ZHENFENG - ANSHUN

SP/MT/MM

Lawatan di **Zhengfeng**:

- Huajiang Village Bridge Yundu Service Area** yang boleh berhenti seketika untuk berehat, menikmati pemandangan sekitar jambatan dan kampung, serta mengambil gambar kenangan sepanjang perjalanan.

Lawatan di **Anshun**:

- Berpeluang solat di **Anshun Mosque** yang merupakan pusat ibadat dan komuniti Islam tempatan.
- Berjalan-jalan di **Jiuzhou Ancient Town** yang menampilkan seni bina tradisional Cina dan lorong-lorong bersejarah yang terpelihara. Pelancong boleh berjalan-jalan di jalan-jalan lama, menikmati makanan tempatan, membeli cenderamata, serta merasai suasana budaya dan sejarah yang autentik.

Bermalam di **Ansun**.

HARI 07 ANSHUN - GUIYANG

SP/MT

Lawatan di **Ansun**:

- Membeli-belah di **Southwest International Trade City** yang menawarkan pelbagai barangan termasuk pakaian, aksesori, dan produk tempatan. Pelancong boleh membeli-belah barangan berkualiti, melihat produk unik, dan merasai pengalaman membeli-belah di pasar antarabangsa yang sibuk dan meriah.

Lawatan di **Guiyang**:

- Bersiar-siar di **Guiyang White Palace** untuk mengambil gambar kenangan, serta menikmati suasana tenang sambil menghargai reka bentuk seni bina moden dan tradisional yang harmoni.
- Berjalan-jalan di **Qingyun Market** yang terkenal dengan pelbagai barangan tempatan, makanan jalanan, dan cenderamata menarik. Pelancong boleh membeli-belah, mencuba hidangan tradisional, serta merasai suasana meriah dan budaya tempatan di pasar yang sibuk ini.

Bermalam di **Guiyang**.

HARI 08 GUIYANG - KUALA LUMPUR

SP

Menaiki penerbangan pulang ke Kuala Lumpur.

PERTUKARAN MATA WANG



CHINESE YUAN
CNY 1 = RM 0.65



PERBEZAAN WAKTU

China: GMT+8 Malaysia: GMT+8



Musim Panas:

Jun - Ogos



Musim Luruh:

Sept - November



Musim Sejuk:

Disember - Feb



Musim Bunga:

Mac - Mei



TOUR HIGHLIGHTS

1.



JIAO CHANG KOU

Berjalan-jalan di Jiao Chang Kou yang menawarkan pelbagai hidangan halal seperti kebab, mi dan makanan ringan tempatan. Pelancong dapat mencuba makanan halal yang lazat sambil menikmati suasana jalanan yang meriah.

2.



CHINA TEA SEA

Melawat China Tea Sea merupakan ladang teh yang luas ini terkenal dengan pemandangan hijau sejauh mata memandang. Pelancong boleh berjalan-jalan di ladang teh, menikmati udara segar, mengambil gambar landskap indah, serta mempelajari proses penanaman dan penghasilan teh China.

3.



WUJIANG VILLAGE

Melawat Wujiang Village yang boleh menjelajah perkampungan tradisional yang menampilkan seni bina klasik dan kehidupan tempatan. Di samping itu, mereka boleh menyaksikan pertunjukan dron dan pancutan air berirama muzik, serta persembahan warisan budaya yang mempamerkan tarian, muzik, dan tradisi unik masyarakat setempat, menjadikan pengalaman lebih menghiburkan.

4.



HUAJIANG VILLAGE BRIDGE YUNDU

Hua Jiang Village Bridge Yundu Service Area yang boleh berhenti seketika untuk berehat, menikmati pemandangan sekitar jambatan dan kampung, serta mengambil gambar kenangan sepanjang perjalanan.

Hotel Penginapan 3* Hotel

| BANDAR | BIL. MALAM |
|-----------------|------------|
| Guiyang | 2 Mlm |
| Meitan | 1 Mlm |
| Chongqing | 2 Mlm |
| Wujiang Village | 1 Mlm |
| Ansun | 1 Mlm |
| Guiyang | 1 Mlm |

Jadual Penerbangan



| HARI | PESAWAT | SEKTOR | ETD | ETA |
|------|---------|-----------|------|------|
| 1 | AQ 1252 | KUL - KWE | 1625 | 2050 |
| 8 | AQ 1251 | KWE - KUL | 1100 | 1525 |

Harga Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel bertaraf 3* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang professional.
- Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.

Harga Pakej Tak Termasuk

- Travel & Covid-19 Insurans - Hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans yang sesuai.
- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.